



Empat agensi capai skor penarafan tertinggi MyGPI 2022

Mei 28, 2023 @ 10:36pm



Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Zuki Ali (dua dari kiri) menyampaikan Sijil Penarafan MyGPI Tahun 2022 di Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR: Empat agensi berjaya mencapai kategori platinum dengan skor markah 90 peratus dan ke atas yang menjadi kategori penarafan tertinggi dalam Sijil Penarafan Malaysian Government Performance Index (MyGPI) Tahun 2022.

Empat agensi itu ialah Kementerian Kerja Raya, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Kerja Raya.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam kenyataan hari ini memaklumkan, Sijil Penarafan MyGPI Tahun 2022 disampaikan kepada 26 kementerian, lima agensi pusat dan jabatan utama serta Jabatan Wilayah Persekutuan (sebelum ini dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan).

"Adalah diharapkan dengan adanya program MyGPI ini, agensi sektor awam dapat meningkatkan lagi usaha-usaha penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam yang memenuhi ekspektasi pihak berkepentingan – rakyat, komuniti bisnes dan pengurusan tertinggi," menurut kenyataan itu.

Majlis penyampaian Sijil Penarafan MyGPI Tahun 2022 yang membabitkan kluster Kementerian dan kluster Agensi Pusat dan Jabatan Utama (APJU) itu disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, di Dewan Sri Baiduri, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Bukit Kiara di sini, hari ini.

MyGPI adalah program untuk menilai prestasi agensi sektor awam yang memberi fokus kepada dua dimensi iaitu pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan melalui tadbir urus yang baik ke arah reformasi sektor awam.

Program MyGPI turut menyumbang kepada peningkatan kedudukan negara di peringkat global melalui pengukuhan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat dan komuniti perniagaan. – BERNAMA